



SIARAN MEDIA
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008



**SAMBUTAN KE-12 'FLORIA HEBAT'
DIMERIAHKAN DENGAN PROGRAM
'LAMPU'**

Bertemakan '**FLORIA HEBAT**' atau '**Awesome FLORIA**', suatu pengalaman manis menanti pengunjung dengan **orkid sebagai bunga tema** apabila FLORIA Diraja Putrajaya membuka tirainya kepada pengunjung mulai **29 Ogos hingga 4 September 2022 di Anjung Floria**, Presint 4, Putrajaya.

Edisi terkini Festival Bunga dan Taman yang meraikan ulang tahun ke-12 akan menghimpunkan lebih-kurang **10,000 pokok orkid** yang akan dipamerkan dengan lebih daripada 400,000 pokok daripada pelbagai spesis dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan seumpama suatu hamparan bunga-bunga yang berwarna-warni dan begitu menarik di dalam suasana landskap dan taman.

Edisi ke-12 Festival Bunga dan Taman yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPJ) dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Tourism Malaysia turut mengambil kira sambutan Jubli Perak Putrajaya yang ke 25 tahun serta sambutan Hari Kebangsaan ke-65.

Pada tahun ini, FLORIA Diraja akan memaparkan komponen-komponen baharu yang dijangka akan menarik minat orang ramai yang terdiri daripada pelbagai golongan dan usia. Tarikan utama merupakan **Taman Keluarga Malaysia, Taman Koboi, Taman Instagrammable, Hiasan Dinding Orkid, Terowong Oncidium, Clock Meadow, Taman 'Glow in the Dark' serta Taman Bonsai dan Suiseki** manakala komponen seperti **Laman Astaka DiRaja** dan laluan utama yang amat popular kembali dengan wajah baru iaitu **Floral Sky Walk**.

Pada waktu malam pula, festival ini akan dilimpahi dengan pancaran dan kesan cahaya lampu khas di setiap laluan utama dan kawasan utama sekitar tapak festival seperti **Red Carpet, Oncidium Tunnel, Dendrobium Walk, dan Taman Fantasi**. Selain mempamerkan inovasi teknologi kesenian pencahayaan kreatif pada flora dan fauna, FLORIA juga menjadi platform kepada pengunjung menikmati keindahan persekitaran festival pada waktu malam.

Bagi peminat orkid yang menunggu kemunculan FLORIA tahun ini, satu pengalaman yang tidak terkata menanti pengunjung dengan **Hiasan Dinding Orkid atau Wall of Orchids** yang menghadirkan satu santapan bagi mata/deria penglihatan yang memukau dengan kepelbagaian spesis orkid serta **17 spesis orkid** yang

dinamakan atas nama orang-orang kenamaan dari dalam dan luar negara yang akan dipamerkan serentak menerusi Pameran Orkid VIP di dalam Floral Pavilion.

Pada penganjuran tahun ini, Floria turut mengundang **8 pereka bunga (floral designers)** dari luar negara antaranya dari negara **China, Indonesia, Jepun, Jerman, Korea, New Zealand, Singapura, dan Taiwan.**

Ketika menyempurnakan **majlis Soft Launch FLORIA Diraja Putrajaya 2022, Menteri Wilayah Persekutuan, YB. Dato' Seri Dr. Shahidan Kasim,** berkata, "Saya yakin festival ini akan mendorong lebih ramai pengunjung melawat Putrajaya dengan pelbagai tarikan yang disediakan menerusi penganjuran FLORIA, termasuk Gemerlapan FLORIA yang akan membawa satu pengalaman baharu buat pengunjung. Berdasarkan populariti program "LAMPU" anjuran Perbadanan Putrajaya, beberapa laluan dan tapak di Anjung Floria akan dihujani limpahan cahaya berwarna-warni selama tujuh hari.

Justeru itu, FLORIA juga mengingatkan kita bahawa setiap langkah dan perbuatan yang diambil perlu difikirkan impaknya pada alam sekitar agar ianya kekal untuk dinikmati turun temurun. Pemeliharaan alam sekitar adalah amat penting dan perlu diutamakan agendanya bukan sahaja di peringkat Putrajaya bahkan juga di peringkat nasional."

Seperti setiap edisi FLORIA, tumpuan pengunjung di dalam **Floral Pavilion** adalah beberapa pertandingan seperti **Pertandingan Orkid (50-60 kategori), Pameran Pereka Tempatan (10 peserta), serta Penyertaan Antarabangsa** yang diwakili oleh **8 buah negara.**

Antara tarikan lain di FLORIA 2022 adalah **taman-taman agensi kerajaan dan korporat** yang akan disertai oleh **4 agensi korporat dan swasta, 7 jabatan dan agensi kerajaan, dan 5 persatuan/pengusaha bunga.**

Setiap kali penganjuran FLORIA, laluan utama Anjung Floria menyajikan santapan yang memukau dengan hasil yang begitu kreatif dengan susunan ribuan a'la reben berwarna-warni beserta kain rentang pada siang hari, **Floral Sky Walk** akan menghasilkan suasana yang menakjubkan dengan limpahan pencahayaan pada waktu malam.

Selain itu, Bazar Tanaman (Garden Bazaar) dan Pasar Hortikultur (Horticulture Market) turut diadakan bagi jualan keperluan perkebunan dan tumbuh-tumbuhan seperti pokok hiasan, pokok ulam-ulaman, pokok buah-buahan, pokok bunga berpasu, perabot taman, peralatan taman dan perkhidmatan landskap. Di samping itu, **Laman Komuniti dan Bazar, Produk Pelancongan dan Laman Seni serta Tethered Hot Air Balloon** juga di antara tarikan FLORIA kepada pengunjung pada tahun ini.

Pelbagai aktiviti harian akan diadakan sepanjang tujuh hari FLORIA Diraja Putrajaya berlangsung. Aktiviti-aktiviti ini termasuk **demonstrasi gubahan bunga, bengkel terarium, bengkel ukiran bunga dan daun, acara hiburan, dan beberapa sesi bual bicara gubahan orkid, bunga dan rekabentuk taman.**

Seperti penganjuran pada tahun-tahun sebelum ini, sebanyak **20 buah sekolah rendah dan menengah akan terlibat dalam Pertandingan Terrarium, manakala 7 buah universiti dan institusi pengajian tinggi akan menyertai Pertandingan Taman Universiti** bagi mencungkil bakat muda dalam mereka bentuk dan membina taman mereka sendiri secara "*hands-on*" semasa di FLORIA nanti.

FLORIA Diraja Putrajaya 2022 akan dibuka kepada lawatan umum mulai 29 Ogos hingga 4 September 2022 dari 9:00 pagi - 10:00 malam.

Harga tiket adalah seperti ketetapan berikut:

| BUTIRAN | WARGANEGARA | BUKAN WARGANEGARA |
|-----------------------------|-------------|-------------------|
| | (RM) | (RM) |
| Dewasa | 15.00 | 100.00 |
| Kanak-kanak (7-12 tahun) | 5.00 | 50.00 |
| Warga emas | 15.00 | 30.00 |
| OKU | Percuma | 30.00 |

FLORIA Diraja Putrajaya merupakan pameran bunga dan taman berbentuk festival yang dianjurkan oleh PPj semenjak tahun 2007. Ia dijadikan acara tahunan semenjak tahun 2009 kerana mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pengunjung. Festival ini mempamerkan produk-produk komersial dari industri hortikultur dan landskap, pertunjukan taman, demonstrasi oleh pereka taman dan pertunjukan bunga-bunga dari dalam dan luar negara di mana kesemua tarikan ini akan dipersembahkan di dalam suasana taman.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ppj.gov.my



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 21 Julai 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346